

TANAH ADAT DI NEGERI SEMBILAN: SATU
KAITAN SOSIO PERUNDANGAN

CHE WAN ROHAYA BT. RAMLY

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
MUDA UNDANG-UNDANG
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR

1995

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

15. 3. 95

Tarikh


.....
CHE WAN ROHAYA RAMLY

PENGHARGAAN

Di sini penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penyelia penulis, En. Rohimi Shafie di atas bimbingan beliau sehingga Latihan Ilmiah ini dapat disempurnakan. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pegawai penyelesaian pesaka, Seremban, En. Sulaiman Kadimi di atas tunjuk ajar dan kerjasama beliau. Begitu juga En. Abu Bakar, pegawai penyelesaian pesaka, Kuala Pilah, En. Sallehudin Ishak, timbalan Pentadbir Tanah dan Galian, Kuala Pilah serta semua kakitangan pejabat tanah, Kuala Pilah.

Kepada kedua ibubapa penulis, jasa mereka yang tidak terhingga tetap penulis abadikan dan kenang. Kepada Angah, Along, Arul, Abang Aziz serta kak Mona, terima kasih atas sumbangan dan dorongan. Begitu juga kepada Muhamad Zuber Basir (Pak Su), terima kasih atas pertolongan yang diberikan.

Kepada Haizul, pertolongan dan dorongan tetap penulis kenang. Begitu juga kepada rakan-rakan, Apid, Mimi, Shida, Nik, Midot, Sita, Ila, Yati, Han dan lain-lain. Akhirnya penulis mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang memberi kerjasama dan perangsang untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

ABSTRAK

Negeri Sembilan adalah unik dengan adat perpatihnya. Adat telah lama dipertahankan terutamanya mengenai tanah dan ianya telah dikanunkan bagi mengukuhkan kedudukannya. Namun dengan perubahan zaman yang serba moden, adat kian tercabar. Justeru itu penulis menghasilkan kajian ini bagi menjawab persoalan patutkah adat berkaitan tanah ini dipelihara atau dipertahankan atau haruskah ia berubah mengikut kesesuaian peredaran zaman. Kebangkitan Islam itu sendiri juga telah menyedarkan masyarakat adat bahawa undang-undang berkaitan dengan tanah itu perlu dianalisa dan dikaji semula.

ABSTRACT

The state of Negeri Sembilan is unique as it has the adat perpatih. Adat has been preserved for a long time especially in the matters of land and it has been provided for in enactment to strengthen its status. The adat has been challenged by the changes of modern times. In this research, the writer tried to answer the questions of whether the adat which relates to the matters of land should be preserved or whether it should be altered to suit with the changes of times. The reestablishment of Islam itself has made the people become conscious of the law which relates to the land should be analysed and revised.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI KES	ix
SENARAI STATUT	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
Pengenalan	xiii
BAB I: SEJARAH DAN LATAR BELAKANG ADAT PERPATIH DAN UNDANG-UNDANG TANAH DI NEGERI SEMBILAN	1
1.1. Pendahuluan	1
1.2. Definisi Adat	2
1.2.1. Perbandingan Undang-Undang Adat Perpatih Dan Undang-Undang Adat Temenggung	4
1.3. Kedatangan Orang Minangkabau ke Negeri-Sembilan	9
1.4. Peranan Dato' Lembaga Dalam Usaha Mencapai Kebajikan Kolektif Berkaitan Dengan Harta	11
1.5. Harta Dalam Adat Perpatih	15
1.5.1. Cara Pembahagian Harta	18

	Halaman
1.6.	Kedatangan British ke Negeri Sembilan 19
1.7.	Pengenalan Perundangan Pemegangan Adat Dan Perkembangannya 20
1.8.	Kesan Perundangan Ke Atas Tanah Adat 24
BAB II:	PENTADBIRAN TANAH ADAT DI NEGERI SEMBILAN 26
2.1.	Pendahuluan 26
2.2.	Kedudukan Tanah Adat Di Negeri Sembilan 27
2.3.	Enakmen Pemegangan Adat Bab 215 30
	2.3.1. Permohonan Untuk Dicatitkan Perkataan Tanah Adat 31
2.4.	Perwarisan Dalam Adat Perpatih 34
	2.4.1. Perempuan Sebagai Pewaris Tanah Adat 36
	2.4.2. Tuntutan Untuk Didaftarkan Melalui Hak Perwarisan 38
2.5.	Pembahagian Dalam Tanah Adat 39
	2.5.1. Kedudukan Anak Angkat, Haknya Dalam Perwarisan 40
	2.5.2. Kedudukan Orang Lelaki Dalam Perwarisan Tanah Adat 42
2.6.	Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkong) 1960 43
	2.6.1. Perwarisan Dan Pembahagian Harta Pusaka Tanah Adat Lengkong 45
	2.6.2. Pembahagian Tanah Adat Lengkong 46
2.7.	Analisa Kes-Kes Perwarisan Tanah Adat 49

Halaman

2.8.	Perwarisan Ke Atas Tanah Bukan Pusaka Adat	55
2.9.	Enakmen Undang Rembau (Tanah) 1949	58
2.9.1.	Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955	59
BAB III:	URUSNIAGA DAN KEDUDUKAN TANAH ADAT DARI SEGI PEMBANGUNAN	60
3.1.	Urusniaga dari perspektif Adat	60
3.1.2.	Peraturan Adat Dalam Penjualan	62
3.2.	Urusniaga Di Bawah Kanun Tanah Negara 1965	64
3.3.	Urusniaga Di Bawah Enakmen Pemegangan Adat Bab 215	65
3.3.1.	Permohonan Untuk Pindahmilik	65
3.3.2.	Permohonan Untuk Memajak Atau Mencagar	68
3.4	Urusan-Urusan Lain Mengenai Tanah Adat	71
3.5	Kedudukan Tanah Adat Dari Segi Pembangunan	73
3.5.1.	Tanah Adat Terbiar	73
3.5.2.	Taburan Keluasan Tanah	74
3.6.	Masalah-Masalah Pembangunan Dalam Tanah Adat	78
3.7.	Strategi Ke Arah Pembangunan Tanah Adat	84
BAB IV:	MASALAH BERKAITAN TANAH ADAT DAN CADANGAN	90
4.1.	Pendahuluan	90

	Halaman
4.2. Masalah Pemakaian Adat	90
4.3. Masalah Dari Segi Pentadbiran Tanah Adat	92
4.3.1. Masalah Pegawai Penyelesai Pesaka	92
4.3.2. Masalah Dato' Lembaga	93
4.3.3. Masalah Waris Yang Terlibat	94
4.3.4. Masalah Pengurusan Pejabat	97
4.4. Masalah Pemilikan	98
4.5. Masalah Pembangunan	98
4.6. Cadangan-Cadangan	99
4.7. Pemakaian Undang-Undang Adat Perpatih Menurut Perspektif Islam	104
4.8. Penutup	111
BIBLIOGRAFI	116
LAMPIRAN	119

SENARAI KES

Sepiah lwn Tiamat
(1959) 8 MLJ 116

Si mati Nalipah Bte Anoh
PTKP CTE SEC 10 349/113/89/14

Si mati Tijah Bte Alam
PTKP CTE SEC 10 349/120/88/13

Si mati Sa'ami Bt. Sunggang
PTKP CTE SEC 10 349/186/88/09

Si mati Atik Binti Siamat atau Itek Bt. Signat
PTKP CTE SEC 10 349/68/88/15

Si mati Shaharir bin Shahor
PTS CTE SEC 10 349/47/93

SENARAI STATUT

Kanun Tanah Negera 1965

Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Pindaan)

Enakmen Pemegangan Adat Bab 215

Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lenqkongon) 1960

Enakmen Undang Rembau (Tanah) 1949

Perlembagaan Persekutuan

Undang-Undang Tubuh Kerajaan
Negeri Sembilan, Jabatan Percetakan
Negara 1979

Sungai Ujong Land Regulations 1987

Succession Land Enactment 1897

Customary Tenure Enactment 1909

Customary Tenure Enactment 1926

Enakmen Pentadbrian Keluarga Islam
Negeri Sembilan

SENARAI JADUAL

1. Jadual 1 - Keluasan Tanah di Negeri Sembilan
2. Jadual 2 - Taburan Tanah Terbiar Mengikut Daerah di Negeri Sembilan
3. Jadual 3 - Taburan Keluasan Tanah Adat Mengikut Daerah Di Negeri Sembilan

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A: Peta Kawasan Wilayah Adat Di Negeri Sembilan
- Lampiran B: Senarai Gelaran Dan Nama Penyandang Undang Luak, Penghulu Luak dan Dato! Lembaga Mengikut Wilayah Adat
- Lampiran C: Jadual B, Senarai Suku Di Dalam Enakmen Pemegangan Adat Bab 215
- Lampiran D: Jadual E, Notis Di Bawah Seksyen 10, Enakmen Pemegangan Adat Bab 215
- Lampiran E: Jadual F, Perintah Pentadbir Tanah Di Bawah Seksyen 10 Enakmen Pemegangan Adat Bab 215
- Lampiran F: Senarai Dokumen Yang Diperlukan Dan Borang Yang Perlu Diisi
- Lampiran G: Jadual A, Nama-Nama Suku Lengkongan Seksyen 2, Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkongan) 1960
- Lampiran H: Jadual, Daerah Rambau Enakmen Undang Rambau 1949.
- Lampiran I: Borang 14A, Pindahmilik Tanah, Bahagian Atau Pajakan
- Lampiran J: Boran Seksyen 6, Ordinan Stem 1942, Pemindahan Milik Tanah
- Lampiran K: Borang Perakuan Pentadbiran Tanah Daerah Di Bawah Seksyen 7(IV) (6) Enakmen Pemegangan Adat (Bab 215)
- Lampiran L: Borang 28A, Permohonan Untuk Hak Lalu Lalang Swasta

PENGENALAN

1. MUKADDIMAH

Masyarakat Negeri Sembilan tidak boleh dipisahkan dengan adat perpatih terutama dalam perkara perwarisan dan pembahagian harta. Adat perpatih tetap bertahan terutama mengenai 'Tanah Adat' dan kurang sekali dipengaruhi peraturan-peraturan lain.

Adat Perpatih yang pada asalnya dicipta di Minangkabau, kemudian dibawa ke Negeri Sembilan dan diubahsuai mengikut kesesuaian tempatan ternyata mengutamakan keturunaan dari nasib perempuan dalam hal perwarisan nampak begitu unik.

Justeru itu, topik ini dianggap masih perlu diketengahkan bagi memberi gambaran serta pengetahuan tentang sejarah seterusnya perkembangan undang-undang yang mentadbir tanah adat itu terutama dalam hal perwarisan, pembahagian harta, urusniaga serta pembangunan dalam tanah adat tersebut.

Untuk menjawab persoalan dapatkah adat itu dipelihara penulis cuba membuat penelitian terhadap perundangan yang terpakai pada masa kini iaitu statut, adat dan juga perundangan Islam. Seterusnya

penulis cuba memberi gambaran kedudukan tanah adat itu dari segi ekonomi.

Untuk itu, penulis cuba mengupas sedikit sebanyak permasalahan yang berkaitan dengan Tanah Adat di Negeri Sembilan dari sudut perundangan sosial dan ekonomi. Seterusnya cadangan diberikan untuk mengatasi permasalahan tersebut.

2. LOKASI KAJIAN

Penulis membuat kajian di Negeri Sembilan memandangkan adat berkaitan dengan tanah masih dipraktikkan mengikut enakmen-enakmen tertentu. Di sini diterangkan dua jenis pentadbiran yang mengawal Negeri Sembilan.

Mengikut pentadbiran daerah, Negeri Sembilan mengandungi tujuh daerah iaitu Kuala Pilah, Jempol, Jelebu, Rembau, Seremban, Port Dickson, Tampin dan daerah kecil, Gemas.

Manakala dari segi pentadbiran adat pula ia mengandungi 13 Wilayah Adat atau Luak iaitu Luak Sungai Ujong, Luak Jelebu, Luak Rembau, Luak Johol, Wilayah Adat Tengku Besar Tampin, Luak Ulu Muar, Luak Jempol, Luak Terachi, Luak Gunung Pasing, Luak

Inas, Luak Geméncheh, Wilayah Adat Penghulu Pesaka Air Kuning dan Wilayah Adat Dato' Muda Linggi. Kedudukan wilayah-wilayah Adat tersebut ditunjukkan dalam Lampiran A.¹

Penulis mendapati adat masih dominan terutama dalam hal tanah di kawasan pentadbiran adat seperti yang dinyatakan di atas. Manakala mengikut pentadbiran daerah pula penulis mendapati Tanah Adat terdapat di daerah Kuala Pilah, Jempol, Jelebu, Rembau dan Tampin. Di daerah Port Dickson dan Seremban penulis mendapat tiada terdapat Tanah Adat.

3. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk memberi gambaran umum tentang kedudukan Tanah Adat di Negeri Sembilan khasnya mengenai perwarisan, pembahagian harta, urusanniaga serta pembangunan dalam Tanah Adat. Antara objektif kajian ini ialah:-

- i. Mengkaji sejarah adat perpatih serta undang-undang tanah di Negeri Sembilan dan perkembangannya seterusnya kesan perundangan tersebut ke atas Tanah Adat.

1. Sila lihat lampiran A.

- ii. Melihat perundangan-perundangan yang digubal bagi pentadbiran Tanah Aat pada masa kini dalam hal perwarisan dan pembahagian harta.
- iii. Melihat bagaimana urusanniaga dalam Tanah Adat dijalankan pada masa kini.
- iv. Mengkaji sejauh manakah Tanah Adat itu dibangunkan dari segi ekonomi.
- v. Mengupas dan mengketengahkan permasalahan-permasalahan yang timbul berkaitan dengan Tanah Adat dari segi sosial dan perundangan serta ekonomi.
- vi. Menyarankan cadangan yang dianggap praktikal bagi mengatasi dan memperbaiki permasalahan-permasalah berkaitan.

4. METHODOLOGI

Bagi menyiapkan dan memperlengkapkan kajian ini, beberapa method yang sesuai telah dipilih untuk menimba pelbagai maklumat berkaitan dengan tajuk ini iaitu:-

1. Penyelidikan Di Perpustakaan

Cara ini merupakan kajian yang menyeluruh di dalam kajian ini. Bahan-bahan terbitan bercetak

seperti buku-buku teks, artikel, jurnal, laporan-laporan kerajaan dan laporan-laporan undang-undang yang berkaitan akan diteliti dan dianalisa.

2. Kajian Luar

Melihat fail-fail di Pejabat-Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Pentadbir Tanah dan Galian Negeri Sembilan terutama di Kuala Pilah dan Seremban. Mendapatkan kes-kes berkaitan di tempat yang sama.

3. Teknik Temubual

Teknik ini juga satu cara yang penting digunakan dalam menyiapkan kajian ini terutama menembual mereka-mereka yang arif tentang tajuk ini dan mendapatkan maklumat dari orang ramai.

5. SKOP PENULISAN

Kerjas Projek ini dibahagian kepada 4 bab iaitu:-

Bab 1. Sejarah dan Latar Belakang Adat Perpatih dan Undang-Undang Tanah di Negeri Sembilan.

Bab 2. Pentadbiran Tanah Adat Di Negeri Sembilan.

Bab 3. Urusniaga Dan Kedudukan Tanah Adat Dari Segi Pembangunan.

Bab 4. Masalah Berkaitan Tanah Adat Dan Cadangan.

6... MASALAH-MASALAH

Semasa penulis menjalankan kajian ini penulis telah mengenal pasti sedikit-sebanyak masalah yang berbangkit untuk menyiapkan kajian ini di antaranya:-

1. Kekurangan buku-buku rujukan yang berkisar dengan Tanah Adat.
2. Tiada data-data Tanah Adat berdasarkan Wilayah Adat.
3. Tiada rekod yang khas mengenai kedudukan pembangunan Tanah Adat.
4. Kesukaran untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan dengan taburan kawasan Tanah Adat.

BAB III

URUSNIAGA DAN KEDUDUKAN TANAH ADAT DARI SEGI PEMBANGUNAN

3.1 URUSNIAGA DARI PERSPEKTIF ADAT

Menurut prinsip adat perpatih yang asal, suku mempunyai hak kepada semua harta dan adat menafikan hakmilik individu. Hakmilik yang diberikan kepada masyarakat adat adalah merupakan hakmilik yang terhad iaitu tanah, pusaka tidak boleh dipindahmilikkan, dijual, digadai melainkan dengan persetujuan waris dan lembaga. Ini berlainan bagi masyarakat luar dari sistem adat di mana tanah adalah hakmilik individu dan adalah bebas untuk dijual.

Pada praktiknya, seorang ketua adat tidak pernah membenarkan tanah pusaka suku berpindah milik kepada suku lain. Kiranya tidak dapat dielakkan, dalam keadaan demikian lembaga akan membenarkan penjualan dengan syarat si pembeli dari suku lain itu bersetuju berkadim pada waris terdekat tanah pusaka berkenaan dan seterusnya diakui sebagai anggota suku lembaga tersebut.¹ Oleh itu

1. Dr. Nadzan Haron, Kertas Kerja Penyelesaian Harta Pusaka, Mengikut Sistem Adat Perpatih, m.s. 2.

ia membolehkan tanah pusaka tidak berpindah hakmilik kepada suku lain.

Sekiranya pembeli tersebut tidak mempunyai anak perempuan untuk mewarisi tanah tersebut tanah itu akan diwarisi semula oleh waris tuan tanah yang menjualnya dahulu.² Tanah itu tidak boleh dituntut oleh waris pembeli samada kakak, adik perempuan atau ibunya, disebabkan mereka dianggap berlainan suku.

Sekiranya pembeli itu mengambil anak angkat pula, anak angkat itu juga tidak berhak ke atas tanah tersebut kecuali jikalau Lembaga, Buapak dan waris-wais penjual membenarkan anak angkat pembeli itu dikadimkan kepada waris penjual.³ Begitu juga anak perempuan pembeli yang dilahirkan sebelum pembelian itu, ia juga tidak berhak mewarisi harta tersebut kecuali ia mahu dikadimkan bersama pada suku penjual.⁴ Cuma anak perempuan pembeli yang dilahirkan sesudah pembelian dan perkadiman dilakukan, yang berhak mewarisi tanah pusaka tersebut kerana si anak ini secara otomatis adalah diakui anggota suku yang baru.⁵

2. Ibid, m.s. 4.

3. Ibid.

4. Ibid.

5. Ibid.

Disebabkan tanah pusaka adalah hak milik suku, jadi perempuan yang mewarisi tanah itu hanya boleh mengusahakan tanah tersebut untuk keperluan hidup dan ia tidak berhak untuk menggadai atau menjual melainkan dengan kebenaran Ketua adat dan juga waris-waris.

Orang yang layak ke atas hakmilik tanah tersebut hanyalah anggota perempuan masyarakat adat. Orang yang layak membeli merupakan wanita adat sahaja dan waris ikrab adalah diberi keutamaan.

3.1.2 Peraturan Adat Dalam Penjualan

Mengikut adat, orang yang diberi keutamaan dalam penjualan tanah adat ini ialah waris yang mempunyai hubungan terdekat iaitu:-⁶

- a) Keutamaan mestilah diberi kepada waris-waris ikrab:-
- b) Jika tiada waris ikrab yang mahu membeli tanah tersebut peluang dibuka kepada waris bersanak mengikut aturan:-
 - i. Waris sanak ibu
 - ii. Waris sanak datuk

iii. Waris sanak nenek

iv. Waris sanak moyang.

c) Jika tiada waris di atas yang mahu membeli, peluang dibuka kepada anggota lain suku berkenaan.

d) Jika tiada juga yang mahu, baharu dibuka kepada sesiapa yang berhajat dari suku yang dua belas.

Di sini dijelaskan bahawa bagi tanah pusaka adat suku yang dua belas, penjualan hanya dibuka kepada anggota perempuan. Tetapi bagi tanah lengkongan, penjualan dibuka kepada waris lelaki dan perempuan dan anggota perempuan suku yang dua belas.

Dalam adat perpatih, seboleh-bolehnya tanah pusaka tersebut tidak dibenarkan dijual atau digadai tanpa syarat-syarat tertentu. Penjualan hanya boleh dilaksanakan atas-alasan:-⁷

a) Keperluan untuk menguruskan kematian.

b) Keperluan untuk menunaikan haji ke-Makah.

c) Keperluan untuk menjaga maruah seperti membaiki rumah pusaka yang telah runtuh dan menguruskan

perkahwinan anak perempuan yang telah lanjut umur.

- d) Keperluan membayar denda bagi kesalahan besar yang telah dilakukan oleh waris lelaki.

Syarat yang dikenakan ini bertujuan untuk menjaga kepentingan tanah pusaka adat supaya tidak berlakunya pindahmilik tanah dengan sewenang-wenangnya dan untuk menjaga maruah dan kehormatan suku itu sendiri.

3.2 URUSNIAGA DI BAWAH KANUN TANAH NEGARA 1965

Menurut Seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965, urusanniaga ditakrifkan sebagai apa-apa transaksi mengenai tanah berimilik yang dikuatkuasakan di bawah kuasa-kuasa yang diberi oleh Penggal IV dan apa-apa transaksi yang serupa yang dikuatkuasakan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang tanah terdahulu tetapi tidak termasuk mana-mana kaveat atau perintah larangan.

Manakala di bawah penggal IV, Kanun tersebut terdapat empat jenis urusanniaga yang diiktiraf iaitu pindahmilik, sewaan bebas daftaran, cagaran dan lien serta ismen.

Untuk menjadikan urusanniaga ini sah, keperluan pendaftaran mestilah dipenuhi. Hanya lien dan sewaan

sahaja yang tidak memerlukan pendaftaran. Bagi pindahmilik pajakan, gadaian dan ismen mestilah didaftarkan mengikut keperluan di bawah Seksyen 207 hinggalah Seksyen 212, Kanun yang sama.

Sekiranya keperluan ini tidak dipenuhi, urusan niaga tersebut tidak akan berkuatkuasa sehinggalah ia didaftarkan mengikut Bahagian Lapan Belas, Kanun Tanah Negara 1965.

3.3 URUSNIAGA DI BAWAH ENAKMEN PEMEGANGAN ADAT BAB 215

Dari penelitian yang dibuat, didapati peraturan adat mengenai urusan niaga dikuatkuasakan keseluruhannya dengan penggabungan Enakmen pemegangan Adat Bab 215.

Urusniaga yang dimaksudkan dalam tanah adat ini adalah serupa sebagaimana yang telah ditakrifkan oleh Kanun Tanah Negara 1965, iaitu urusan untuk pindahmilik, sewaan bebas daftaran, cagran, pajakan, lien serta ismen.

3.3.1 Permohonan Untuk Pindahmilik

Apa yang dimaksudkan dengan pindahmilik di sini adalah sama dengan pindahmilik sebagaimana diperuntukkan oleh Bahagian 14, Seksyen 214 hinggalah Seksyen 220, Kanun Tanah Negara 1965 iaitu pindahmilik di antara orang yang hidup dengan orang yang hidup.

Menurut Seksyen 7(i), Enakmen Pemegangan Adat Bab 215 memperuntukkan sekatan terhadap tanah adat mengenai pindahmilik iaitu tanah adat tidak boleh dipindahmilik kepada seseorang kecuali kepada anggota perempuan dalam suku seperti yang dinyatakan dalam Jadual B iaitu dua belas suku dalam Adat Perpatih.

Selain daripada itu, pindahmilik yang dilaksanakan hendaklah mendapat kebenaran dari Dato' Lembaga suku berkenaan. Ini diperuntukkan oleh Seksyen 7(iv), enakmen yang sama.

Di dalam enakmen ini, tidak dinyatakan sekatan bahawa tanah tersebut tidak dibenarkan dipindahmilik kepada suku yang lain. Mengikut praktiknya sekiranya ada permohonan sebegitu selalunya Dato' Lembaga tidak akan membenarkan untuk mengelakkan sesuatu tanah adat berpindah ke suku lain dan mengikut prinsip asal adat perpatih, Dato' Lembaga tidak akan membenarkan juga melainkan tidak dapat dielakkan dan peraturan adat dipenuhi.

Melihat kepada prosedur pindahmilik tersebut, pertamanya permohonan hendaklah dibuat di bawah Seksyen 7, Enakmen Pemegangan Adat Bab 215. Pemohon dikehendaki

mengisi Borang 14A, Kanun Tanah Negara⁸ dan Borang Seksyen 6, Ordinan stem 1942 Pemindahan Milik Tanah.⁹ Satu perbicaraan akan diadakan dan orang yang dipanggil hadir ialah pemilik berdaftar di atas tanah tersebut, bakal penerima pindahmilik, anak-anak pemilik berdaftar lelaki dan perempuan serta Dato' Lembaga berkenaan. Adik-beradik kepada pemilik berdaftar juga dipanggil sekiranya diperlukan. Ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengesahkan dan membuktikan bahawa pemilik berdaftar di atas tanah tersebut bukanlah milik individu tetapi perlu memohon kebenaran dari anggota keluarganya sebelum membuat apa-apa urusan terhadap tanah adat tersebut.

Peranan Dato' Lembaga adalah penting di sini di mana urusan pindahmilik akan berjalan lancar sekiranya Beliau hadir dan mempersetujui dan tidak ada apa-apa bantahan daripadanya. Kehadiran dan persetujuan ini adalah penting bagi memastikan bahawa orang yang akan menerima pindahmilik adalah dari suku yang sama.¹⁰ Persetujuan daripada Dato' lembaga sebagai ketua adat diperolehi melalui borang perakuan pentadbir tanah daerah

8. Sila lihat Lampiran I.

9. Sila lihat Lampiran J.

10. Temubual bersama En. Abu Bakar, pegawai pentadbir Pesaka, Kuala Pilah pada 15.12.1994.

di bawah Seksyen 7(iv)(b), Enekmen Pemegangan Adat (Bab 215).¹¹

Di dalam Kanun Tanah Negara 1965, terdapat sekatan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 205(3) dan (4) iaitu tiada urusan mengenai tanah bermilik yang tertakluk kepada kategori 'pertanian' boleh dijalankan sekiranya luasannya kurang dari satu ekar. Ini bermakna 'tanah adat' yang dikategorikan pertanian tidak boleh dipindahmilikkan sekiranya kurang dari satu ekar dan sebelum permohonan pindah milik ini dibuat, sekatan yang dikenakan ini perlu diambil kira dan menjadi satu faktor penting bagi mempengaruhi kesahan pindahmilik tersebut.

3.3.2 Permohonan Untuk Memajak Atau Mencagar

Menurut Kanun Tanah Negara 1965, urusan pajakan dan sewaan diperuntukkan oleh Seksyen 221 hinggalah Seksyen 240 manakala urusan cagaran dan lien diperuntukkan dalam Seksyen 241 hinggalah 281. Bagi tanah biasa, ia perlu memenuhi peruntukan seksyen berikut bagi menjalankan urusan berikut. Peraturan dan garis panduan ini juga dikenakan bagi urusan pajakan atau gadaian bagi tanah adat.

11. Sila lihat Lampiran K.

Cuma apa yang berlainan ialah terdapat sekatan di dalam tanah adat yang diperuntukkan dalam Seksyen 7(i), Enakmen Pemegangan Adat Bab 215 iaitu tanah adat tidak boleh dipajak kepada seseorang melainkan kepada anggota perempuan dalam suku seperti yang dinyatakan dalam Jadual B iaitu dua belas suku dalam Adat-perpatih.

Manakala sekatan kedua ialah mengikut Seksyen 7(iv), Enakmen yang sama iaitu urusanniaga ini perlu mendapat kebenaran daripada Dato' Lembaga suku berkenaan. Sekatan ini juga dikenakan kepada urusanniaga cagaran dalam tanah adat.

Bagi urusanniaga cagaran dan pajakan hanya badan-badan berikut sahaja yang boleh menerima cagaran atau pajakan iaitu:-¹²

- i. Pentadbir Tanah Daerah di mana tanah adat terletak.
- ii. Institusi kewangan, bank dan badan-badan koperasi seperti berikut; Kementerian Kewangan, The Housing Trust, Bank Bumiputera Malaysia Bhd., Malayan Banking Berhad, UMBC, Syarikat Pembinaan dan Perumahan Tabung Haji sdn. Bhd, Bank Pertanian Malaysia, Perbadanan

12. Sila lihat Seksyen 7(iii), Enakmen Pemegangan Adat Bab 215.

Pembangunan Bandar (UDA), Bank Pembangunan Malaysia Bhd dan United Asian Bank.¹³

- iii. Badan-badan berkanun yang diberikuasa untuk menerima cagaran atas tanah adat dan undang-undang tubuhnya melalui Undang-Undang Persekutuan dan Undang-Undang Negeri.

Badan-badan Berkanun yang hendak memajak atau menerima cagaran tanah adat, adalah dibenarkan jika urusan yang dilaksanakan tersebut demi pembangunan tanah adat itu sendiri.

Melihat kepada prosedur pajakan atau cagaran, caranya adalah serupa dengan urusan pindahmilik dan borang yang digunakan untuk pajakan ialah Borang 15A manakala untuk cagaran Borang 16A atau 16 B digunakan..

Menyentuh kepada urusan cagaran, jika didapati pemilik berdaftar gagal untuk membayar pinjaman kepada institusi kewangan yang berkenaan, satu perintah lelong akan dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah Daerah atau Mahkamah Tinggi.

13. Sila lihat Senarai dalam Jadual J, Enakmen Pemegangan Adat Bab 215 dan akan sentiasa dipinda mengikut keperluan samada melalui Warta Kerajaan Negeri.

Prosedur lelong yang dikenakan ke atas tanah adat tersebut adalah serupa dengan peruntukan dalam Kanun Tanah Negara 1965, cuma apa yang berlainan ialah dalam jualan lelong yang pertama hendaklah ditawarkan kepada anggota-anggota perempuan yang sama sukunya dengan pemilik tanah tersebut dan sekiranya tiada tawaran, jualan lelong ditangguhkan dan dalam jualan lelong kali ke dua tawaran boleh diberikan kepada orang-orang perempuan dalam suku yang lain iaitu Biduanda (waris dan atau Daganq), Batu Hampar, Sri Melenggang, Tanah Datar, Sri Lemak (Pahang atau Minangkabau), Mungkal, Tiga Batu, Tiga Nenek, Paya Kumboh, Anak Acheh, Batu Belang dan Anak Melaka.¹⁴

3.4 URUSAN-URUSAN LAIN MENGENAI TANAH ADAT

Selain urusanniaga yang disebutkan di atas, terdapat lagi pelbagai urusan mengenai tanah diperuntukkan oleh Kanun Tanah Negara 1965 seperti ismen,¹⁵ tukar syarat, pecan sempadan, pecah bahagian, caveat.

Walau bagaimana Enakmen Ppemegangan Adat Bab 215 ini tidak menjelaskan sekatan-sekatan yang dikenakan terhadap urusan tersebut kerana urusan sedemikian

14. Sila lihat Jadual B, Enakmen Pemegangan Adat Bab 215.

15. Sila lihat Lampiran L.

merupakan unsur moden dalam pentadbiran tanah. Jadi untuk mengelakkan perselisihan atau sebarang rungutan daripada Dato'-Dato' Lembaga berkenaan, persetujuan dan pandangan mereka adalah diperlukan bagi menjamin hubungan baik dan kesejahteraan antara pihak-pihak yang menjalankan transaksi sedemikian.

Apa yang diperlukan ialah sikap positif daripada Dato'-Dato' Lembaga supaya tidak menolak permohonan sedemikian dan tiada alasan bagi mereka untuk menolak permohonan ini kerana ia merupakan urusan-urusan yang biasa dilakukan dan ini tidak menjadikan tanah itu berpindahmilik kepada orang lain.

Pengekalan peraturan adat telah ditegaskan di dalam Seksyen 5, Enakmen Pemegangan Adat Bab 215 di mana tiada sesuatu tanah adat atau kepentingan di dalamnya boleh dipindah milik, dicagar, diuruskan melainkan mengikut peraturan adat. Walau bagaimanapun Seksyen 5 ini memperuntukkan juga syarat iaitu tiada apa-apa pun dalam Enakmen tersebut boleh menghalang penyerahan kepada Negeri mana-mana tanah adat dalam bandar, atau kampung untuk tujuan kepentingan awam. Jadi ini bermakna Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kuasa melalui Seksyen 5 ini untuk mengambil balik mana-mana tanah adat ini bagi kepentingan awam dan pampasan akan diberikan kepada sesiapa pemilik berdaftar yang terlibat itu.

Terdapat kes-kes yang berlaku di mana Pihak Berkuasa Negeri Negeri telah mengambil balik tanah adat tersebut untuk dijadikan jalan raya atau laluan awam disebabkan tanah adat tersebut terletak di pinggir jalan raya dan untuk pampasan kepada mereka yang terlibat, sejumlah wang diberikan mengikut nilai tanah yang terlibat tersebut.

3.5 KEDUDUKAN TANAH ADAT DARI SEGI PEMBANGUNAN

3.5.1 Tanah Adat Terbiar

Di Negeri Sembilan terdapat dua kategori tanah yang terdiri daripada sawah, tanah kampung atau dusun iaitu Tanah Adat (Harta Pusaka) dan Harta¹⁶ Carian. Yang dimaksudkan dengan Tanah Adat di sini ialah tanah yang diwarisi turun-temurun daripada ibu kepada anak perempuan. Menurut Kanun Tanah Negara 1965, Tanah Adat dikategorikan sebagai pertanian tetapi ada dua syarat nyata yang dicatat dalam Suratan Hakmilik iaitu sama ada 'kampung' atau 'sawah'.

16. Harta Carian merupakan harta-harta bukan tanah adat yang diperolehi dengan cara pembelian atau pemberian. Harta ini bolehlah dinamakan sebagai harta pembawaan atau harta sekutu setelah ia berkahwin dan harta-harta milik bersama yang dikenali sebagai harta seorang, iaitu harta yang diperolehi semasa perkongsian hidup antara suami dan isteri.

Tanah kempung biasanya ter diri daripada tapak rumah dan ditanam dengan pokok buah-buahan kelapa dan pelbagai tanaman sementara dan jarang terbiar. Manakala bagi tanah adat yang mempunyai syarat nyata 'sawah' pada masa kini, didapati kebanyakannya terbiar atau ditinggalkan tanpa diusahakan atas alasan ia tidak sesuai dengan tanaman padi atau sengaja dibiarkan kosong.

Manakala mengikut pengertian umum, tanah terbiar ialah sebidang tanah yang telah dikeluarkan hakmilik tetapi ditinggalkan begitu sahaja ataupun tidak diusahakan sepenuhnya untuk mengeluarkan hasil yang maksima. Oleh itu penulis akan cuba mengenalpasti masalah-masalah pembangunan berkaitan dengan tanah adat yang terbiar seterusnya cuba mencari jalan penyelesaian untuk membangunkan dan memajukan tanah adat.

3.5.2 Taburan Keluasan Tanah

Kementerian Pertanian Malaysia¹⁷ telah menjalankan satu kajian pada tahun 1979 dan mendapati bahawa 880,000 hektar (2.3 juta ekar) tanah pertanian telah tidak diusahakan di Seluruh Semenanjung Malaysia, Tanah sawah meliputi 394,493 ekar tanah daripada jumlah itu. Didapati 177,494 ekar tanah merupakan terbiar

17. Sumber: Kementerian Pertanian Malaysia, Kuala Lumpur.

berpanjangan dan 220,099 ekar hanya diusahakan satu musim sahaja. Jumlah keluarga petani yang terlibat dengan tanah terbiar adalah sebanyak 200,000 keluarga. Ini termasuklah tanah-tanah terbiar yang terdapat di Negeri Sembilan.

Jumlah keluasan tanah di Negeri Sembilan dan jumlah tanah pertanian yang termasuk tanah adat ditunjukkan dalam Jadual 1 seperti di bawah:-

Jadual 1: Keluasan Tanah di Negeri Sembilan 1983

Kenyataan	Luas (Ekar)
Jumlah Keluasan Semua	1,642,183
Jumlah Semua Tanah Pertanian	1,016,106
Komponen Tanah Adat	34,551

Sumber: Jabatan Ukur Negeri Sembilan, Seremban.

Daripada Jadual 1, ditunjukkan jumlah keluasan tanah di Negeri Sembilan ialah sebanyak 1,642,183 ekar. Tanah pertanian meliputi 1,016,106 ekar manakala 34,551 ekar adalah merupakan tanah adat yang merupakan tanah sawah dan kampung.

Taburan tanah-tanah terbiar mengikut Daerah di Negeri Sembilan pula ditunjukkan dalam Jadual 2 seperti di bawah:-

Jadual 2: Taburan Tanah Terbiar Mengikut Daerah di Negeri Sembilan 1983.

Kenyataan	Daerah dan Keluasan (Ekar)							
	Jejebu	K.Pilah	Jempol	Rembau	Tampin	Seremban	P. Dikson	Jumlah
Luas terbiar	3,759	13,337	2,934	7,218	2,648	5,131	1,025	36,052
1) Berpanjangan	2,153.5	8,881	1,644	5,482	1,336	3,042	654	23,192.5
2) Luar Musim Sahaja	1,605.5	4,456	1,290	1,736	1,312	1,683	371	12,453.5
Jumlah Keluarga Tani	1,624	7,204	1,769	4,189	1,529	2,651	371	19,337
Jumlah Purata Anggota Keluarga Tani	5.04	4.1	4.05	4.8	4.96	4.1	3.7	4.39

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Seremban.

Daripada Jadual 2, ditunjukkan keluasan tanah terbiar di seluruh Negeri Sembilan ialah 36,052 ekar yang meliputi 23, 192.5 ekar terbiar berpanjangan dan terbiar di luar musim sebanyak 12,453.5 ekar. Jumlah keluarga tani yang terlibat ialah 19,337 dan jumlah purata anggota keluarga tani ialah antara 4-5 orang. Tanah terbiar ini

kebanyakannya adalah tanah adat yang merupakan tanah sawah.

Taburan keluasan tanah adat mengikut daerah di Negeri Sembilan ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Taburan Keluasan Tanah Adat Mengikut Daerah Di Negeri Sembilan 1983.

Bil.	Daerah	Keluasan			Bilangan Lot	Bilangan Hakmilik
		Ekar	Rode	Pole		
1.	K. Pilah	18,000	1	31.43	9,950	9,945
2.	Rembau	12,680	2	37.76	8,622	8,587
3.	Tampin	2,072	0	31.5	1,013	992
4.	Jempol	1,699	3	2.7	809	759
5.	Jelebu	96	3	32.25	64	63
6.	Seremban		-		-	-
7.	P. Dickson		-		-	-
	JUMLAH	34,550	0	39.1	20,458	20,344

Sumber: Jabatan Ukur Negeri Sembilan, Seremban.

Dari Jadual 3, ditunjukkan jumlah bilangan lot tanah adat bagi keseluruhan Negeri Sembilan ialah 20,458 manakala bilangan hakmilik tanah adat pula ialah 20,344 dan jumlah keluasan tanah adat bagi keseluruhan ialah 34,550 ekar. Purata keluasan bagi tiap-tiap geran tanah mengikut Jadual 3 ialah hanya 1.697 ekar. Ini

menunjukkan keluasan tanah yang sempit dan tidak ekonomis untuk diusahakan. Ini disebabkan oleh kerana pemecahan tanah akibat pembahagian antara waris-waris yang berhak dan ada di antara tiap-tiap geran itu mengandungi lebih daripada satu nama atau kepunyaan bersama. Di lihat daripada Jadual 3, didapati daerah Kuala Pilah mencatatkan jumlah tanah adat tertinggi iaitu sebanyak 18,000 ekar.

3.6 MASALAH-MASALAH PEMBANGUNAN DALAM TANAH ADAT

Pembangunan dalam Tanah Adat menghadapi pelbagai masalah, disebabkan beberapa faktor yang akan dibincangkan, tanah adat ini terbiar dan projek-projek pembangunan tidak dapat dijalankan dengan sempurna:-

i) Kebanyakan tanah-tanah adat mempunyai saiz lot yang kecil dan bilangan pemilik yang ramai. Ini disebabkan proses perwarisan tanah yang berlaku berulang kali dan pemecahan tanah kepada waris-waris yang berhak. Oleh itu pembangunan di atas lot-lot yang kecil adalah rumit dan tidak ekonomik.

ii) Enakmen Pemegangan Adat Bab 215 dan Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkong) 1960 merupakan undang-undang yang mentadbir tanah-tanah adat ini telah menghadkan tanah adat itu

kepada tanah yang hanya mempunyai cop perkataan 'Tanah Adat' sahaja. Sekiranya tanah itu merupakan Tanah Adat tetapi tiada cop perkataan 'Tanah Adat' ianya tidak termasuk dalam kategori Tanah Aat dan tidak tertakluk kepada pentadbiran adat. Ini secara langsung telah menyekat pertambahan keluasan tanah adat di Negeri Sembilan. Walaupun terdapat peruntukan yang membolehkan tanah yang diwariskan kepada kaum perempuan yang tidak dicop perkataan 'Tanah Adat' dijadikan Tanah Adat sekiranya dipohon, tetapi pada praktikalnya tidak ramai yang berbuat demikian. Disebabkan pertambahan penduduk yang kian meningkat dan keluasan Tanah Adat tidak bertambah, ini menjadikan keluasan tanah bagi seorang pemilik adalah teramat kecil dan sekiranya diusahakan tidak mendatangkan pulangan ekonomi yang menguntungkan.

- iii) Pengambilan semula tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri juga menyumbang kepada faktor tergendalanya proses pembangunan dalam tanah adat ini. Kerajaan boleh mengambil tanah adat ini untuk kegunaan awam sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 5, Enakmen Pemegangan Adat Bab 215 dan kerajaan diberi

kuasa mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960. Secara tidak langsung pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri ini mengurangkan jumlah tanah adat itu sendiri dan menghapuskan gelaran tanah adat itu. Ini menjadikan tanah adat itu semakin berkurangan dan mengecilkan lagi saiz lot tanah adat itu dan menjadikan ianya adalah tidak ekonomis untuk diusahakan dan dimajukan.

- iv) Dari segi faktor sosio-budaya, ditinjau daripada sikap masyarakat pada masa kini terhadap sektor pertanian itu sendiri. Generasi sekarang tidak berminat dalam bidang ini dan tidak mengindahkan usaha-usaha ke arah bertani. Ini menjadikan tanah di kampung terbiar dan tidak diusahakan. Ini amat berbeza sekiranya dibandingkan dengan generasi dahulu yang menganggap usaha pertanian merupakan mata pencarian untuk menyara kehidupan. Sikap negatif daripada ibubapa juga mendorong kearah ini dimana mereka menggalakkan anak mereka untuk melanjutkan pelajaran di institusi tinggi dan menjawat jawatan yang baik satu hari kelak di bandar-bandar dan langsung tidak menggalakkan mereka untuk balik ke kampung dan meneruskan kerja bertani selepas tamat pengajian. Ini

menjadikan generasi baru ini tidak berminat untuk tinggal di kampung dan mengusahakan pertanian.

- v) Penghijrahan generasi sekarang ke bandar juga merupakan faktor ke arah tanah terbiar. Peluang-peluang pekerjaan yang banyak dan jaminan pendapatan yang tetap setiap bulan menjadi daya tarikan bagi muda-mudi yang tidak mempunyai pekerjaan di kampung untuk berhijrah ke bandar yang menjanjikan pendapatan yang agak lumayan jika dibandingkan di kampung. Ini mengakibatkan tanah di kampung hanya ditinggalkan untuk generasi tua yang tidak lagi berdaya untuk mengusahakan tanah tersebut. Jadi, tanah di kampung tidak diurus dan terbiar begitu sahaja.

- vi) Pembukaan perkampungan baru oleh kerajaan melalui agensi yang khas seperti FELDA, FELCRA, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri dan lain-lain menyumbang kepada faktor berlakunya tanah terbiar di kampung-kampung. Penduduk kampung yang berpeluang untuk menyertai tanah-tanah rancangan ini telah berhijrah dari kampung halaman mereka untuk tinggal menetap di kawasan-kawasan tanah rancangan yang lebih

menjaminakan kehidupan mereka. Di sana mereka mendapat keperluan asas yang lebih baik jika dibandingkan di kampung-kampung dan menjadikan hidup mereka lebih terancang dan teratur.

vii) Tiadanya persepakatan dalam usaha penanaman padi juga menjadi penghalang untuk pembangunan tanah adat di mana kebanyakan tanah ini merupakan tanah sawah. Tanah-tanah sawah ini telah tidak diusahakan dengan sekata, menjadikan ada petak yang diusahakan dan ada yang tidak diusahakan langsung. Ini terjadi disebabkan tiada persetujuan daripada tuan punya tanah yang mempunyai hakmilik ke atas tanah itu untuk mengusahakan tanah tersebut. Apabila ini terjadi, ia akan menyukarkan pengairan dan seterusnya mendedahkan tanaman kepada ancaman musuh tanaman dan mengakibatkan kepada kegagalan kepada pesawah padi dan ini secara tidak langsung memberhentikan usaha mereka daripada meneruskan penanaman padi pada masa berikutnya.

viii) Air merupakan faktor terpenting untuk menjayakan penanaman padi. Kekurangan bekalan air boleh menjadikan usaha bersawah tergendala dan mengalami masalah yang rumit. Terdapatnya

masalah di mana empangan yang dibina untuk menakung air ini dibina lebih rendah kedudukannya dari permukaan sawah. Ini menyebabkan air tidak dapat memasuki sawah sebaliknya air dari sawah itu sendiri yang mengalir ke arah parit dan menjadikan sawah itu mengalami kekeringan.

- ix). Faktor pencemaran alam sekitar yang semakin rumit dewasa ini turut menyumbang kepada terjadinya tanah terbiar. Pencemaran alam sekitar seperti pencemaran dari kilang-kilang perinsustrian telah mengancam mutu kehidupan masyarakat umumnya. Ini termasuklah pembuangan kotoran minyak kelapa sawit ke dalam sungai-sungai, pembuangan bahan-bahan kimia dan kotoran logam oleh sektor perindustrian. Pencemaran ini memberi kesan yang sungguh buruk terutama kepada sungai-sungai yang menjadi sumber pengairan bagi penanaman padi. Sisa toksid dari kilang-kilang dan minyak dari bengkel yang mengalir ke sungai-sungai tersebut akan mengakibatkan kepada kemerosotan kesuburan tanah di mana ia boleh memasak tanah pertanian.

Penerbangan hutan secara berleluasa dan penerokaan tanah juga boleh menyebabkan

hakisan tanah dan ini menjadikan sungai-sungai itu tersumbat dan kering. Ini menjadikan perusahaan penanaman padi tidak boleh dijalankan dengan lancar dan usaha ke arah keuntungan gagal. Akibatnya ramai petani merasa serik untuk mengerjakannya semula.

3.7 STRATEGI KE ARAH PEMBANGUNAN TANAH ADAT

Untuk menangani masalah tanah terbiar yang dialami oleh tanah-tanah adat di Negeri Sembilan pada masa kini beberapa langkah patut diambil untuk menuju ke arah pembangunan:-

- i) Langkah pertama patut diambil ialah memberi kesedaran kepada para penduduk kampung yang mengusahakan tanah tersebut untuk menukar sikap mereka mengenai konsep pertanian itu sendiri. Selama ini mereka beranggapan bahawa pertanian itu adalah hanya merupakan semata-mata sara hidup iaitu kais pagi makan pagi, kais petang makan petang sahaja dan tiada usaha yang lebih dijalankan bagi menampung kehidupan mereka. Jadi satu pembaharuan terhadap konsep pertanian itu hendaklah dilakukan iaitu para peladang hendaklah beranggapan bahawa pertanian itu bukan lagi setakat sara hidup tetapi ia merupakan satu

operasi perdagangan yang boleh membawa keuntungan. Oleh itu sebelum satu-satu perusahaan itu dijalankan perancangan yang teliti dan mendalam haruslah dijalankan terlebih dahulu bagi mengelakkan sebarang kerugian yang akan timbul. Apabila kesedaran sebegini diperolehi jadi timbullah inisiatif untuk maju ke hadapan, keinginan untuk bekerja seterusnya mencapai keuntungan yang maksima.

- ii) Seterusnya tanah-tanah terbiar itu hendaklah dikaji semula samada ianya sesuai untuk penanaman semula padi ataupun tanaman lain. Sekiranya padi tidak lagi sesuai untuk ditanam, tanaman yang lain bolehlah ditanam seperti tanaman kekal yang lebih berpotensi untuk dimajukan dan dapat menghasilkan pendapatan yang lumayan. Pejabat Tanah juga memainkan peranan penting bagi melonggarkan peraturan mengenai syarat tanaman di mana tuan-tuan tanah tidak dibenarkan untuk menukar tanaman kepada jenis tanaman yang lain kecuali mendapat kebenaran daripada Pejabat Tanah. Jadi mana-mana tuan punya tanah yang mahu menukar tanaman mereka kepada jenis tanaman yang lebih sesuai hendaklah diluluskan.

iii) Langkah seterusnya ialah percantuman tanah haruslah dilakukan bagi mengusahakan sesuatu perusahaan tersebut. Keluasan tanah yang sempit tidak menjamin tuan punya tanah untuk mengusahakannya kerana ia tidak ekonomis. Di sini apa yang penting ialah persetujuan daripada setiap tuan punya tanah yang berhampiran untuk mengumpulkan, memajukan tanah mereka secara berkelompok. Perusahaan secara individu bolehlah diubah kepada corak kerjasama dengan muafakat. Bagi anak-anak yang bakal mewarisi harta pusaka ini jika ia tidak tinggal di kampung haruslah bersedia untuk menyerahkan tanah tersebut kepada yang memerlukannya untuk dikerjakan.¹⁸ Oleh itu apa-apa kegiatan di atas tanah tersebut bolehlah dijalankan tanpa menunggu persetujuan daripada mereka. Langkah ini tidak akan menghapuskan hakmilik tuan punya tanah tersebut malah ia akan memajukan tanah tersebut.

iv) Selanjutnya faktor yang paling penting untuk menggerakkan satu-satu perusahaan ialah modal. Sumber kewangan yang mencukupi haruslah

18. Temubual bersama En. Sulaiman Kadimi, pegawai penyelesaian pesaka, Seremban pada 8hb Disember 1994.

diperolehi sebelum apa-apa projek dijalankan. Perancangan yang mendalam dan teliti harus dilakukan terlebih dahulu dan memastikan sumber-sumber kawangan diperolehi. Pinjaman boleh dibuat daripada badan yang bertanggungjawab seperti FELCRA, Lembaga pertubuhan peladang, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri, pinjaman dari bank seperti Bank Pertanian, Bank Bumiputera dan lain-lain bank komersial.

- v) Satu badan khusus seperti Pertubuhan Peladang Kawasan atau kumpulan peladang haruslah berfungsi sebagai tunggal pengurusan sesuatu projek. Ini bermakna tanah-tanah tadi yang berhampiran disewa dari tuan punya dan dikumpulkan dan diusahakan bersama. Untuk mencapai matlamat ini, langkah yang baik ialah melibatkan Dato' Lembaga dan Buapak yang bertanggungjawab terhadap suku di dalam sesuatu kawasan, dalam sistem pengurusan sesuatu projek yang telah dirancang. Mereka bolehlah menjadi ahli dalam Lembaga Pengarah kumpulan tersebut. Ini akan memudahkan untuk mendapatkan kerjasama daripada semua anak buah yang mempunyai tanah adat tersebut.

- vi) Selain daripada menjalankan perusahaan utama, industri-industri sampingan hendaklah turut dilakukan bagi membuka peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk kampung. Ini akan menambahkan lagi sumber pendapatan dan secara tidak langsung menyekat penghijrahan mereka ke bandar.
- vii) Faktor yang penting juga ialah pemasaran. Matlamat untuk mendapat keuntungan tidak akan tercapai sekiranya tiada pemasaran dan harga yang berpatutan. Kebanyakan penduduk kampung sering tertekan oleh pemborong-pemborong dan orang tengah. Jadi langkah yang perlu diambil ialah aktiviti pemasaran haruslah dilakukan sendiri oleh para petani tanpa melalui orang tengah dan agensi-agensi kerajaan seperti RISDA dan FAMA hendaklah membantu mereka dalam usaha pemasaran ini.

Ada juga kes dimana tanah adat ini dijadikan stesyen minyak dan dimajukan tetapi bilangannya amatlah sedikit dan kebanyakan tanah adat adalah terbiar tanpa diusahakan disebabkan faktor-faktor tertentu. Jadi langkah-langkah di atas haruslah dijalankan dengan kerjasama daripada semua pihak bagi memulihkan tanah-tanah yang terbiar ini demi pembangunan tanah adat itu

sendiri. Kesedaran daripada semua pihak amatlah diperlukan dalam menjayakan usaha ke arah ini.

BIBLIOGRAFI

BUKU RUJUKAN

- Abdul Rahman Hj. Muhammad. 1964. Dasar-dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur. Pustaka Antara.
- Abdul Samad Idris. 1968. Negeri Sembilan dan Sejarahnya. Kuala Lumpur. Utusan Melayu.
- Abdul Monir Yaakob. 1989. An Introduction To Malaysia Law. Bangi. Penerbit UKM.
- Ahmad Ibrahim Ahilemah Jones. 1986. Sistem Undang-Undang Di Malaysia. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdullah Siddik. 1975. Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia. Kuala Lumpur. Pustaka UM.
- Hooker M.B. 1970. Readings in Malaya Adat Laws. Singapura. Singapore University Press.
- Hooker M.B. 1976. Adat Law in Modern Malaya. Kuala Lumpur. Oxford University Press.
- Hj. Salleh Hj. Buang. 1992. Malaysian Torrens System. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- H. Zainuddin Homidy Fachruddin H.S. 1991. Tafsir Quran. Klang. Klang Book Centre.
- Hazairin. 1952. Hukum dan Kesusilaan Pidato Perlantikan. Jakarta.
- Maxwell W.G, Gibson W.S. 1924. Treaties and Engagements Affecting The Malay Grant States and Borneo. London. Trustcott & Sons Ltd.
